



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 5/2023**

**31 MEI 2023 | RABU**

**10.30 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS                    Bil.5/2023                    bagi                    bulan                    Mei pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 April 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak RM 49 juta (86.49%) daripada RM 57 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6 juta (50.22%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta.

## **2. NOTIS (BORANG E)**

- 2.1 Untuk makluman juga, waran telah diproses bermula pada 1 April 2023, iaitu setelah tamat tempoh notis (Borang E). Waran tahanan sebanyak RM100.00 diproses bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Sehingga 30 April 2023 sebanyak 8,722 waran telah diproses dan sebanyak 4,226 telah dihantar.
- 2.2 MPS juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian (online) iaitu MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat bermula Januari 2023.

### **3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS**

- 3.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk para pelanggan melaksanakan transaksi secara dalam talian. Para peniaga boleh membuat semakan, memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan serta perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.
- 3.2 Pada April 2023, jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak RM 538,212.94 iaitu 916 transaksi meliputi transaksi daripada lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang.

---

*(Perincian untuk rujukan)*

	<b>Lesen Perniagaan</b>	<b>Sewaan Gerai</b>	<b>Permit Bangunan &amp; Perancang</b>
Transaksi	152	730	34
Jumlah	RM 105,088.35	RM 250,989.09	RM 182,135.50

#### **4. OPS WARAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 1/2023**

- 4.1 Untuk makluman, proses penghantaran waran tahanan cukai taksiran penggal 1/2023 sedang dijalankan. Sehubungan dengan itu, anda semua diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan kadar segera untuk mengelakkan harta alih anda disita.
  
- 4.2 Semakan dan bayaran boleh dibuat secara dalam talian di pautan <https://mymps.mps.gov.my>. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Hasil MPS di talian 03-6126 5961.

#### **5. PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA**

- 5.1 Adalah dimaklumkan, terdapat penambahan dan pertukaran Ahli Mesyuarat Jawatankuasa di Majlis Perbandaran Selayang bagi Parti Keadilan Rakyat Penggal 2023. Pengemaskinian Ahli Mesyuarat Jawatankuasa tersebut melibatkan:

- i) Tuan Anuar bin Jasmin, Ahli Majlis Zon 4 dengan penambahan baharu di Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan;
  - ii) Tuan Anmuniandy A/L Vellymalai, Ahli Majlis Zon 16 dengan penambahan baharu di Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan serta pertukaran ke Jawatankuasa Penswastaan & Pelaburan.
- 5.2 Ahli-Ahli Mesyuarat Jawatankuasa ini akan berkuatkuasa mulai esok, 1 Jun 2023.

## **6. PEMBUKAAN STADIUM MPS**

- 6.1 Seperti semua sedia maklum, Stadium MPS telah pun menjalani kerja-kerja naiktaraf, pemasangan e-billboard dan trek balapan. Naiktaraf ini adalah penting bagi memastikan Stadium MPS dapat memberikan perkhidmatan dan fasiliti stadium dalam keadaan yang terbaik.
- 6.2 Tahniah kepada semua jabatan yang terlibat dalam memastikan projek naiktaraf ini berjaya dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Stadium MPS ini seterusnya akan dibuka semula kepada masyarakat

bermula 10 Jun 2023 dan diharapkan ia akan memberi manfaat kepada masyarakat dan terus menjadi mercu tanda perbandaran Selayang.

## **7. PROMOSI KOMPLEKS RENANG SERI SIANTAN**

- 7.1 Bersempena dengan cuti sekolah, saya pasti ada di antara kita yang sedang mencari aktiviti yang menyeronokkan untuk anak-anak dan keluarga. MPS menyediakan *instructor* percuma untuk pembelajaran *basic renang & water confident* kepada kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun sahaja.
- 7.2 Kompleks Renang Seri Siantan, Jalan Sungai Tua, Batu Caves ini akan dibuka setiap hari bermula pukul 9.00 pagi hingga 8.30 malam (Isnin dan Jumaat selepas waktu tengah hari). Tiket yang dikenakan adalah sangat berpatutan iaitu RM 4.00 bagi dewasa dan RM2.00 bagi kanak-kanak.
- 7.3 Pelbagai kemudahan juga disediakan kepada anda seperti bilik persalinan, tempat penonton, surau dan sebagainya. Jadi, kepada anda yang berminat bolehlah

datang ke Kompleks Renang ini dan menyerlahkan bakat renang anda.

## **8. PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK MASAK**

- 8.1 Pada 24 dan 25 Mei yang lalu, MPS telah berjaya mengumpul sebanyak 381 kilogram minyak masak terpakai melibatkan 135 penyertaan melalui Program Kitar Semula Minyak Masak MPS bersempena sambutan Hari Guru, Hari Ibu dan Hari Jururawat. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 246% dari jumlah kutipan yang diperolehi pada tahun 2022 iaitu sebanyak 110kg.
- 8.2 Kutipan ini seterusnya dijual semula kepada syarikat pemprosesan untuk dijadikan bahan bio-diesel selain digunakan untuk penghasilan lilin dan dijadikan sebagai cenderahati korporat.
- 8.3 Oleh itu, MPS ingin menyeru masyarakat untuk membudayakan amalan kitar semula dan menjaga kebersihan persekitaran bagi menjamin kualiti hidup dan kelestarian alam sekitar.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.